

D913

U 8807 A A B

MAHATHIR - EKONOMI (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 11 MALAM INI)

☐ ☐ ☐

1

KUALA LUMPUR, 22 O G O S (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHANAD MALAM INI MENBAYANGKAN BAHAWA INTIPATI DAN FALSAFAH DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS 1990 SANA DENGAN DASAR EKONOMI BARU (DEB).

+KITA TELAH BERSAMA DENGAN DEB SELAMA 20 TAHUN. SEKIRANYA PRESTASI MALAYSIA DIJADIKAN UKURAN, DEB TIDAKLAH TERLALU BURUK,+ KATA PERDANA MENTERI PADA JAMUAN MALAM KELAB HARVARD MALAYSIA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA SEGELINTIR RAKYAT TIDAK BERPUAS HATI DENGAN DASAR ITU KERANA MEREKA TIDAK DAPAT APA YANG MEREKA HAJATI TETAPI JIKA NEREKA BERFIKIR DENGAN MENDALAM NEREKA NESTI MENGAKUI BAHAWA SEKALIPUN TANPA DEB BUKAN SEMUA ORANG AKAN MEMPEROLEHI APA YANG MEREKA MAHU.

KAUM BUMIPUTERA JUGA TIDAK DAPAT SENUA YANG MEREKA KEHENDAKI DALAM TEMPOH DEB ITU, KATANYA.

SAMBIL BERKATA PADA MASA INI BELIAU SENDIRI BELUM MENDAPAT GAMBARAN JELAS NENGENAI DASAR EKONOMI SELEPAS 1990 ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JILKA PELABUR TEMPATAN DAN LUAR NEGERI BOLEH HIDUP BERSAMA DEB SELAMA 20 TAHUN, SUDAH TENTU MEREKA BOLEH HIDUP DENGAN MANA-MANA DASAR YANG DIADAKAN OLEH BARISAN NASIONAL BAGI TEMPOH SELEPAS 1990. -- LAGI

1943MST 22 08 90

D918

U B808 A A B

MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) ☐ ☐ ☐

☐ PERDANA MENTERI BERKATA DASAR EKONOMI SELEPAS 1990 MERUPAKAN SATU PELAN YANG DIHALUSI UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI DENGAN PENBAHAGIAN SANA-RATA.

+1991 TIDAK AKAN MEMBAWA MALAPETAKA. KERAJAAN TIDAK NAHU PERUBAHAN RADIKAL BERLAKU YANG HANYA AKAN MENUSNAHKAN SEGALA USAHA YANG TELAH DIRANCANGKAN DAN DICAPAI.

+KITA TIDAK MAHU BERSIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN TERLIBAT DALAM KERJA-KERJA YANG MENGIKUT HAWA-NAFSU. ITULAH JAMINAN SAYA,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA +KITA TELAH MELAKSANAKAN DEB TANPA MENUSNAHKAN EKONOMI MALAYSIA. KITA TERPAKSA BERSUSAH-PAYAH PADA MULANYA TETAPI KESANNYA AMATLAH SEDIKIT. DENGAN MASA BERLALU KITA MENJADI SEMAKIN MATANG.

+KITA MENGUBAHSUAIKAN PENDEKATAN KITA DAN MEMINDA ATAU NENGHENTIKAN MANA-MANA OPERASI YANG KURANG ELOK. APABILA KITA MENGHADAPI KEMELESETAN, KITA MENGADAKAN DASAR-DASAR YANG BOLEH NENBANTU MEMULIHKAN EKONOMI TANPA MENGETEPIKAN DEB.+ -- LAGI

1955MST 22 08 90

D965

R B815 A A B

MAHATHIR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN **MEMBINASAKAN EKONOMI** DISEBABKAN **KOMITMEN MANA-MANA** IDEOLOGI DAN MALAYSIA MEMPUNYAI PENGALAMAN DAN IDEA MENCENAI **CARA MANA** UNTUK **MENGURANGKAN PERBEZAAN PERKAUMAN DAN MENGHAPUSKAN KEMISKINAN TANPA** MENJEJASKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

BELIAU MENEGASKAN **MALAYSIA** HEMERLUKAN PELABURAN **ASING** DAN KEPAKARAN TEKNOLOGI UNTUK JANGKA MASA YANG PANJANG DAN KERAJAAN TIDAK AKAN BERBUAT SESUATU UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN PELABUR **ASING**.

BELIAU BERKATA PELABURAN MEREKA AKAN SELAMAT DI MALAYSIA **SELAGI** BARISAN NASIONAL. TERUS BERKUASA. **+KAMI** TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KAMI ADALAH LIBERAL DAN **MENERIMA** SEBARANG IDEA.+

PERDANA MENTERI BERKATA PELABUR-PELABUR TEMPATAN **JUGA** TIDAK PERLU BERASA GENTAR TERHADAP DASAR BARU ITU.

PELABURAN TEMPATAN **+AGAK TINGGI+** SEMASA TEMPOH DEB DAN KERAJAAN BERSEDIA HENDENGAR DAN MEMBUAT PERUBAHAN, KATA **BELIAU, SAMBIL** MERUJUK KEPADA AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (ICA) YANG TELAH DIUBAHSUAI **BAGI MEMENUHI** KEHENDAK AHLI PERNIAGAAN TEMPATAN. -- LAGI
2129MST 22 08 90

0968

R B816 A A B
HAHATHIR - EKONOMI 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

+JIKA KITA PERHATIKAN JUMLAH SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN DAN PRESTASI MEREKA, SAYA TIDAK PERCAYA SESIAPAPUN BOLEH MENDAKWA BAHAWA DEB MERUPAKAN RACUN KEPADA PELABURAN TEMPATAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA: +PADA HAKIKATNYA DENGAN MEMATUHI KEHENDAK DEB, PARA PENGUSAHA BUKAN BUMIPUTERA TELAH MAJU. SYARIKAT-SYARIKAT LAMA MILIK KELUARGA KINI MENJADI SYARIKAT-SYARIKAT AWAM BERHAD DAN MODAL BUMIPUTERA BUKAN MERUPAKAN SATU PERKARA YANG PAYAH UNTUK DIKUMPULKAN APABILA SYARIKAT-SYARIKAT TELAH DISENARAIKAN.+

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA MAJLXS PERUNDINGAN EKONOHI NEGARA (MAPEN) TIDAK DAPAT MEMBUAT SEBARANG KATA-PUTUS MENGENAI SATU DASAR YANG TETAP, KERAJAAN TIDAK SEHARUSNYA MENERIMA SEMUA CADANGAN YANG DIBUAT.

+KINI KITA BERBALIK KEPADA CARA ASAL DI MANA KERAJAAN TERPAKSA MERANGKA DAN MERUMUSKAN DASAR EKONOHI SELEPAS TAHUN 1990 DENGAN SENDIRI,+ TAMBAHNYA.

MAPEN, YANG DIANGGOTAI OLEH SEHUA PARTI POLITIK DAN SEKTOR EKONOMI DI NEGARA INI, DITUBUHKAN UNTUK MERUMUSKAN DASAR SELEPAS TAHUN 1990 DAN SEHINGGA KINI, BUKAN SAHAJA MAPEN BELUM MEMBENTANGKAN LAPORANNYA TETAPI BEBERAPA ORANG WAKIL TELAH BERTINDAK MENINGGALKAN HAJLIS ITU. -- LAGI

2134MST 37 on

0977

R B819 A A B
MAHATHIR - EKONOMI 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

+SEBARANG DASAR BARU YANG DIGUBAL OLEH KERAJAAN AKAN MENGAMBIL KIRA TENTANG PERLUNYA MENDAPATKAN SOKONGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN PENCUSAHA TEMPATAN,+ KATANYA.

+HEREKA DAN PELABUR ASING ADALAH UMPAMA ANGSA YANG HENGHASILKAN TELUR EMAS. KITA HARUS HENGOBANKAN MEREKA,+ KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA, KERAJAAN BN BEGITU DEDIKASI TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOHI MALAYSIA YANG PESAT DAN TELAH TERBUKTI MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOHI.

+KITA TIDAK HAHU PENGAGIHAN KEKAYAAN DAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PENTADBIRAN. KITA MAHU BUMIPUTERA MEREKUT PELUANG DAN MENDAPAT BAHAGIANNYA, KATANYA, SAHIL HENAHBAH KATA, ADALAH TIDAK BERMAKNA DAN BERCANGGAH UNTUK HEMUSNAHKAN EKONOHI DALAH USAHA UNTUK HEMBERI BAHAGIAN MEREKA.+

+YANG DEMIKIAN, MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT APA-APA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR HAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN AKAN MEMPASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DIKEKALKAN DAN PADA MASA YANG SAMA HENGENDALIKAN HATLAMAT SERAMPANG DUA MATA IAITU MEMBASHI KEHISKINAN DAN PENYUSUNAN SEHULA MASYARAKAT TERCAPI. -- LAGI

2150MST 22 08 90

0979

R B820 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

+KITA TIDAK TERBURU-BURU. **KITA** MAHU **BAHAGIAN** BUMIPUTERA ITU BERKEKALAN DAN BERKEMBANG DENGAN **SENDIRINYA** WALAUPUN **TIADA** LAGI BANTUAN DIBERIKAN OLEH **KERAJAAN**,+ KATANYA

+IA MERUPAKAN SATU **HASRAT** YANG **TINGGI**. TETAPI KAMI FIKIR KAMI BOLEH LAKUKANNYA **TANPA BANYAK GANGGUAN**,+ KATA **PERDANA MENTERI**.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA **KERAJAAN** PIMPINANNYA MAHUKAN NEGARA DAN RAKYATNYA MAKMUR DAN **BERSAMA-SAMA** BERKONGSI KEMAKMURAN ITU.

+MEMPEROLEHI 30 PERATUS DARIPADA KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK BAIK ADALAH TIDAK BERMAKNA KEPADA **BUMIPUTERA**.+

+MEREKA JUGA KOMITED TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI SEPERTI **JUGA ORANG-ORANG** LAIN DAN **KERAJAAN**.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BELIAU TIDAK DAPAT MEMBERIKAN BUTIR-BUTIR TEPAT MENGENAI DASAR **EKONOMI** SELEPAS TAHUN 1990 **MALAM INI**, TIDAK ADA SEBAB **BAGI** SESIAPA UNTUK MENJADI RISAU.

+JIKA SESIAPA **MASIH** RAGU-RAGU UNTUK MELABUR **DI** MALAYSIA, BELIAU HANYA HEMBUANG MASA DAN **MUNGKIN** MELEPASKAN **PELUANGNYA**.+ -- BERNAMA
2154MST 22 08 90